



## SIARAN MEDIA

### PENUTUPAN RUMAH SAMPAH DAN KAEDAH KUTIPAN SAMPAH

Merujuk kepada artikel oleh MalaysiaGazette pada 15 Januari 2023 yang bertajuk 'Peniaga Pasar Pagi Taman Greenwood mengeluh, dakwa PBT pejam mata', Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan lawatan tapak ke rumah sampah Medan Selera Greenwood pada 16 dan 17 Januari 2023 bersama pihak KDEB Waste Management Sdn Bhd, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan, Jabatan Korporat dan Ahli-ahli Majlis.

Hasil pemerhatian di tapak mendapati lambakan sampah yang tidak terkawal di luar tong sampah dan sekitar rumah sampah tersebut. Selain itu, terdapat juga sisa kelapa yang dilonggokkan oleh peniaga luar dan penjaja yang berhampiran dengan kawasan rumah sampah tersebut.

Sebelum ini, penyediaan rumah sampah di Medan Selera Greenwood hanya dikhaskan untuk pembuangan sisa sampah peniaga di Medan Selera Greenwood dan Bazar MPS Taman Greenwood sahaja. Malangnya, ia telah menjadi tempat untuk penjaja luar dan penduduk sekitar membuang sampah yang tidak berkaitan. Sikap para penduduk di kawasan sekitar yang tidak mahu sampah ditinggalkan di hadapan rumah sendiri dan meletakkan sisa sampah tersebut di rumah sampah menjadi punca ia berlaku. Lebih memburukkan keadaan, sikap sambil lewa orang ramai yang membuang sampah di luar tong menyebabkan lambakan sisa sampah yang tidak terkawal sehingga mengakibatkan kacau ganggu seperti gangguan bau busuk dan tumpuan haiwan perosak.

Bagi menangani isu ini, MPS telah mengambil tindakan dengan menutup rumah sampah di Medan Selera Greenwood dan Bazar MPS Taman Greenwood berkuatkuasa pada 18 Januari 2023 (Rabu). Notis penutupan rumah sampah serta pemakluman lokasi tong sampah baharu untuk kedua-dua blok bangunan telah diedarkan kepada semua peniaga dan penyewa premis yang terlibat. Tong sampah MGB 240 liter akan disediakan di dalam Medan Selera Greenwood dan Bazar MPS Taman Greenwood untuk pembuangan sisa domestik harian, manakala kutipan sampah akan dilakukan oleh pihak KDEB Waste Management di tong sampah berpusat mengikut jadual harian. Bagi tujuan pemantauan statik, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) akan dilakukan segera oleh syarikat yang akan dilantik.

Diharapkan orang ramai dapat memberi kerjasama bagi membendung isu ini agar tidak berulang di masa akan datang demi kesejahteraan dan kelestarian perbandaran Selayang. Untuk maklumat lanjut sila hubungi MPS di talian 03-6126 6024, KDEB Waste Management di talian 03-6128 3364 @ 019-3759592 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my).

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

#### b.p. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang  
**18 Januari 2023**